



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA DAN KIBLAT WALK, PRESINT 3 SERTA KEDIAMAN RASMI PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 10, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH EMPAT (4) TAHUN NO. TENDER : PPJ/ JB/T/72/2021

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini boleh layari laman <http://dcoins.ppj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/Syarikat.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Gred: G7</p> <p>Kategori : F</p> <p>Pengkhususan : F01</p> <p>Dan</p> <p>Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Untuk Taraf Bumiputera</p>	<p>Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slaid) mulai:</p> <p>29 November 2021 (Isnin)</p> <p>di pautan berikut: https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</p> <p>Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan</p>	<p>29 November 2021 (Isnin) sehingga</p> <p>10 Disember 2021 (Jumaat)</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia RM300.00 (Tidak Dikembalikan)</p> <p>Tunai/Draf Bank</p> <p>Perbadanan Putrajaya</p>	<p>20 Disember 2021 (Isnin)</p> <p>12.00 Tengah hari</p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM500,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asas dan satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**. Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
7. Tender ini akan ditutup pada **20 Disember 2021** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

KAUNTER JUALAN TENDER/SEBUT HARGA, ARAS 3, BANGUNAN ANNEXE, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, 24, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3, 62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

9. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.